

Lebih 2 juta tonton Minggu Saham Digital

KUALA LUMPUR: Minggu Saham Digital (MSD) mencatatkan lebih dua juta tontonan dalam tempoh tujuh hari penganjurannya.

Program itu yang merupakan adaptasi digital untuk Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) turut merekodkan 7.5 juta capaian unik di Facebook rasminya.

MSD mencatat 2.2 juta tontonan terkumpul melalui tiga saluran laman rasminya, iaitu Facebook, Youtube dan laman web dengan 11.5 juta tayangan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, jumlah tontonan yang dicapai program didik hiburan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia itu adalah luar biasa



AHMAD Zulqarnain Onn meraikan pemenang hadiah utama peraduan Eh, Mana Kod? sempena Minggu Saham Digital semasa maya, baru-baru ini.

dan di luar jangkaan mereka.

"Langkah menuju penganjuran Minggu Saham secara digital telah membantu kami

memperluas jangkauan kepada lebih ramai rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Setiap aktiviti yang dijalankan sepanjang MSD mencatat penyertaan yang memberangsangkan dengan laman web rasminya

telah dikunjungi sebanyak 1.3 juta kali, peraduan Eh, Mana Kod? Meraih lebih 540,000 penyertaan daripada lebih 27,000 peserta manakala konsert mega maya Pass The Mic! Mencatatkan lebih daripada 80,000 tontonan.

MSD dijalankan selama tujuh hari bermula 18 sehingga 24 November lalu dan menyediakan lebih 70 program didik hiburan selain menawarkan hadiah bernilai lebih RM500,000 melalui pelbagai peraduan yang dijalankan.

Lincoln Sengalang Anak Juing, 24, dari Sarawak diumumkan pemenang utama peraduan Eh, Mana Kod? dengan memenangi Ford Ranger 2.0L XLTPlus 4WD. Sementara Ifah Sorfina Mohamad Naim, 19, dari Kuala Lumpur pula memenangi peraduan Say What dan membawa pulang Perodua Aruz.